


1. Kami duduk _____ surat khabar ketika menyaksikan pertunjukan silap mata di p _____ itu.

- ☐ A dialas
- ☐ B beralas
- ☐ C mengalas
- ☐ D beralaskan



2. Sesiapa sahaja yang _____ peraturan sekolah akan dikenakan tindakan tatatertib.

- ☐ A bersalah
- ☐ B menyalahi
- ☐ C kesalahan
- ☐ D menyalahkan

3. Kereta yang dipandu laju itu telah merempuh pembahagi jalan lalu _____ ke dalam gaung.

- ☐ A dihumban
- ☐ B terhumban
- ☐ C menghumban
- ☐ D menghumbankan

4. Abang nyaris terkena renjatan elektrik semasa menggunakan _____ roti yang rosak itu.

- ☐ A dibakar
- ☐ B terbakar
- ☐ C pembakar
- ☐ D membakar

5. Orang ramai di tepi jalan _____ untuk mencari tempat berteduh apabila hujan turun secara tiba-tiba.

- ☐ A berkejar
- ☐ B mengejar
- ☐ C dikejarkan
- ☐ D berkejaran

6. Menurut cerita datuk saya, Portugis pernah _____ bangsa kita pada suatu masa dahulu.

- ☐ A bertuan
- ☐ B ketuanan
- ☐ C pertuanan
- ☐ D mempertuani

7. Michael _____ sebagai penolong pengurus di sebuah syarikat telekomunikasi di Kuala Lumpur.

- ☐ A mengerjakan
- ☐ B dikerjakan
- ☐ C pekerja
- ☐ D bekerja

8. Sofwah _____ sepasang baju Melayu kepada bapanya sempena hari lahir bapanya malam.

- ☐ A menghadiahkan
- ☐ B menghadiahi
- ☐ C hadiahkan
- ☐ D hadiahi

9. Hafiz meminta _____ daripada ibunya untuk mengikuti rombongan ke Pusat Sains Negara yang _____ oleh Persatuan Sains dan Matematik sekolahnya.

- ☐ A membenaran ... anjuran
- ☐ B kebenaran ... dianjurkan
- ☐ C dibenarkan ... penganjuran
- ☐ D membenarkan ... menganjurkan

10. Usah kamu _____ tempat itu lagi kerana tempat itu tidak sesuai untuk murid sekolah.

- ☐ A mendekatkan
- ☐ B berdekatan
- ☐ C mendekat
- ☐ D dekati

11. Kamu harus menduduki ujian itu untuk _____ diri ke Maktab Rendah Sains Mara.

- ☐ A kelayakan
- ☐ B selayaknya
- ☐ C melayakkan
- ☐ D berkelayakan

12. Pertubuhan itu _____ agar semua majlis rasmi anjuran agensi kerajaan _____ dalam bahasa Melayu.

- ☐ A saranan ... pengendalian
- ☐ B disarankan ... terkendalikan
- ☐ C menyarani ... mengendalikan
- ☐ D menyarankan ... dikendalikan

13. Air mata Puan Mary _____ pipinya setelah mendengar berita tentang kematian saudaranya.

- ☐ A dibasahi
- ☐ B kebasahan
- ☐ C membasahi
- ☐ D membasahkan

14. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Pengembara dari Perancis itu _____ basikal untuk menjelajah seluruh Asia Tenggara.

- ☐ A ditunggang
- ☐ B tunggangan
- ☐ C penunggang
- ☐ D menunggang

15. Sultan Perak telah _____ datuk saya pingat _____ sempena sambutan hari keputeraan baginda baru-baru ini.

- ☐ A dianugerahkan ... terbesar
- ☐ B dianugerahi ... pembesaran
- ☐ C menganugerahi ... kebesaran
- ☐ D menganugerahkan ... pembesar

16. Anggota bomba mengambil masa selama setengah jam untuk _____ mangsa kemalangan yang _____ di bawah lori itu.

- ☐ A keluaran ... disepit
- ☐ B pengeluaran ... bersepit
- ☐ C dikeluarkan ... menyepit
- ☐ D mengeluarkan ... tersepit

17. _____ kertas dinding yang bertaburan menyebabkan bilik itu kelihatan kotor.

- ☐ A Keruping
- ☐ B Kelupas
- ☐ C Serabut
- ☐ D Selaput

18. Wafi terpaksa menempuh pelbagai _____ tetapi dia tetap cekal untuk menamatkan ekspedisi itu.

- ☐ A menghalang
- ☐ B penghalang
- ☐ C terhalang
- ☐ D halangan

19. Abang berhasrat untuk _____ ilmu agama di negara Timur Tengah.

- ☐ A mendalam
- ☐ B mendalami
- ☐ C mendalamkan
- ☐ D memperdalam

20. Peniaga itu sedang _____ jumlah keuntungannya pada bulan ini.

- ☐ A dikira
- ☐ B terkira
- ☐ C berkira
- ☐ D mengira